

## Terma dan Syarat Kempen Pulangan Tunai GrabRewards Perjalanan Kad GX

### Mekanik Kempen:

1. Kempen Pulangan Tunai GrabRewards Perjalanan Kad GX ("**Kempen**") sah dari 1 Disember 2024 hingga 31 Mei 2025, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**"), atau sebaik sahaja Had Maksimum (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 7) dicapai, yang mana lebih awal, oleh GX Bank Berhad ("**GXBank**").
2. Kempen ini terbuka kepada individu yang:
  - a. Memegang kad debit GX yang aktif ("**Kad GX**") semasa Tempoh Kempen.
  - b. Perbelanjaan untuk perkhidmatan Grab luar negara yang layak ("**Perbelanjaan yang Layak**") seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dalam Tempoh Kempen; dan
  - c. Mempunyai akaun Grab yang sah ("**Akaun Grab**") dalam aplikasi Grab ("**Aplikasi Grab**") dan akaun bank GXBank yang sah ("**Akaun GX**") yang kedua-duanya berada dalam kedudukan yang baik dan tidak dibatalkan atas sebarang sebab ("**Ahli Kad yang Layak**").
3. Ahli Kad yang Layak mesti memenuhi kriteria berikut yang dinyatakan dalam jadual di bawah untuk menerima ganjaran GrabReward Points ("**GRP**") masing-masing, tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini.

Ganjaran	Kriteria Perbelanjaan Kelayakan
<p><b>Dapatkan 3x GRP untuk setiap RM1 (bersamaan dengan 2% pulangan nilai) yang dibelanjakan untuk transaksi Grab di luar Malaysia.</b></p> <p>GRP yang diperoleh adalah berdasarkan pengiraan dalam Klausa 4 di bawah.</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Ahli Kad yang Layak yang telah memautkan Kad GX ke Akaun Grab.</li><li>- Ahli Kad yang Layak yang membuat pembayaran menggunakan Kad GX yang dipautkan pada perkhidmatan Grab di luar negara di negara-negara yang disenaraikan di bawah dalam Tempoh Kempen.</li></ul> <p>Perkhidmatan Grab di luar negara ialah tempahan tunggangan Grab, GrabFood/GrabMart dan Penghantaran Segera GrabExpress di Singapura, Thailand, Vietnam, Kemboja, Myanmar, Indonesia dan Filipina sahaja. Ini <b>tidak</b> termasuk memuatkan semula dana ke dalam dompet GrabPay.</p>

4. Pengiraan GRP yang diperoleh akan berdasarkan 3x GRP untuk setiap RM1 (bersamaan dengan 2% pulangan nilai) yang dibelanjakan untuk transaksi Grab di luar Malaysia. Kadar penukaran untuk negara yang mengambil bahagian ditetapkan seperti jadual di bawah sepanjang Tempoh Kempen:

	<b>Kadar Mata Wang Asing</b>
MYR / SGD	0.29989
MYR / IDR	3550.07
MYR / THB	7.78358
MYR / VND	5668
MYR / PHP	13.1181
MYR / MMK	464.306
MYR / KHR	892.151

5. Ilustrasi kelayakan GRP seperti berikut:

	<b>Ilustrasi</b>	<b>Kelayakan Ganjaran</b>
1	<p><b>Pelanggan A</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. ialah pengguna Akaun Grab</li> <li>ii. ialah pemegang Akaun GX dan Kad GX</li> <li>iii. Belanjakan THB 30 untuk Aplikasi Grab di Thailand menggunakan Kad GX yang dipautkan</li> </ul>	<p><b>Pelanggan A layak menerima 12 GRP untuk transaksi tersebut</b></p> <p><b>Pengiraan:</b>  <math>THB\ 30 \rightarrow 30/7.78358 = RM3.85</math>  <math>RM3.85 \times 3 = 12\ GRP</math></p>
2	<p><b>Pelanggan B</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. ialah pengguna Akaun Grab</li> <li>ii. ialah pemegang Akaun GX dan Kad GX</li> <li>iii. Belanjakan SGD 30 untuk Aplikasi Grab di Singapura menggunakan Kad GX yang dipautkan</li> </ul>	<p><b>Pelanggan B layak menerima 300 GRP untuk transaksi tersebut</b></p> <p><b>Pengiraan:</b>  <math>SGD\ 30 \rightarrow 30/0.29989 = RM100</math>  <math>RM100 \times 3 = 300\ GRP</math></p>
3	<p><b>Pelanggan C</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. ialah pengguna Akaun Grab</li> <li>ii. ialah pemegang Akaun GX</li> <li>iii. Belanjakan SGD 30 untuk Aplikasi Grab di Singapura menggunakan Kad bukan GX</li> </ul>	<p><b>Pelanggan C tidak layak menerima sebarang GRP daripada transaksi ini kerana kaedah pembayaran yang digunakan bukan Kad GX</b></p>

6. Ganjaran GRP akan dikreditkan ke Akaun Grab Ahli Kad yang Layak masing-masing dengan serta-merta, atau sehingga dua (2) hari bekerja dari tarikh Ahli Kad yang Layak memenuhi kriteria Perbelanjaan yang Layak. Walau bagaimanapun, GRP yang diberikan boleh dibatalkan atau ditarik balik jika terdapat pembatalan atau bayaran balik bagi transaksi Perbelanjaan yang Layak tersebut.

7. Ahli Kad yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa GXBank, mengikut budi bicara mutlakny, telah menetapkan jumlah had maksimum berhubung dengan ganjaran GRP

("Had Maksimum"), dan GXBank berhak untuk menamatkan Kempen dan menghentikan ganjaran GRP sebaik sahaja Had Maksimum dicapai. GXBank tidak mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Ahli Kad yang Layak jika Had Maksimum telah dicapai.

## Umum

8. Kempen ini tidak terpakai kepada transaksi Grab yang termasuk dalam senarai pengecualian [di sini](#). Sila ambil perhatian bahawa senarai ini tidak lengkap dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Grab.
9. GRP akan dikreditkan terus ke dalam Akaun Grab Ahli Kad yang Layak di mana transaksi menggunakan Kad GX dibuat.
10. Tiada permintaan dipercepatkan akan dibenarkan/dilayan.
11. GRP yang diberikan tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai.
12. Kempen ini tidak akan terpakai bersama dengan program promosi, tawaran, baucar, atau keistimewaan VIP lain, yang ditawarkan oleh GXBank melainkan dinyatakan sebaliknya.
13. GXBank berhak untuk mengubah, menggantung atau menamatkan Kempen dan/atau GRP kerana perubahan terma kontrak dengan rakan kongsi kami, keadaan yang tidak dijangka atau perkara di luar kawalan munasabah kami. Jika kami berbuat demikian, kami akan menggunakan usaha yang munasabah secara komersial untuk memaklumkan anda tentang perubahan tersebut. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian yang timbul daripada Kempen ini, keputusan GXBank adalah muktamad.
14. Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
15. Untuk pertanyaan atau maklum balas mengenai Kempen, sila hubungi Sokongan Pelanggan GXBank melalui sembang dalam Aplikasi GX. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami di +603 7498 3188 atau e-mel kami di [ask@gxbank.my](mailto:ask@gxbank.my). Jika anda mengalami sebarang masalah berkaitan pengkreditan atau penebusan GRP dalam Aplikasi Grab anda, sila hubungi Sokongan Grab melalui sembang dalam Aplikasi Grab.
16. Maklumat adalah betul pada masa penerbitan pada 1 Disember 2024.